

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)53**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB GOH CHOON AIK**

53. Huraikan jenis kelulusan atau permit yang diperlukan untuk pengoperasian sesebuah tadika dan taska.
- (a) Senaraikan jumlah unit tadika dan taska berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah.
  - (b) Huraikan status Pelan Pemutihan oleh MBPP dan MBSP.
  - (c) Huraikan tindakan penyelesaian untuk menyegerakan proses pemutihan.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

53. Bagi memulakan proses pendaftaran Taska atau Tadika di Pulau Pinang, langkah pertama yang diperlukan adalah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi Taska atau kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi Tadika.

Setelah permohonan diterima, pemohon akan diberikan tiga surat rujukan untuk mendapatkan ulasan teknikal daripada tiga agensi yang berkaitan.

Pertama sekali, pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di peringkat ini, beberapa jabatan teknikal akan terlibat, termasuk Jabatan Perancang, Jabatan Pembangunan, dan Jabatan Pelesenan. Penilaian ini akan mengambil kira jenis kediaman atau premis yang akan digunakan sebagai lokasi operasi.

Seterusnya, permohonan perlu dikemukakan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pihak Bomba akan menjalankan pemeriksaan bagi memastikan premis tersebut mematuhi semua aspek keselamatan kebakaran yang ditetapkan.

Selepas itu, permohonan juga perlu melalui Unit Kesihatan di bawah PBT, yang akan menilai tahap kebersihan dan keselamatan dari sudut kesihatan bagi memastikan premis sesuai dan selamat untuk digunakan.

Apabila ketiga-tiga agensi ini telah memberikan ulasan dan menyatakan tiada halangan, pemohon perlu mengemukakan semula kesemua dokumen sokongan kepada JKM atau JPNPP bagi mendapatkan Perakuan Pendaftaran secara rasmi.

- (a) Untuk makluman, jumlah unit tadika dan taska berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut: –

DAERAH	BERLESEN		TIDAK BERLESEN	
	TADIKA	TASKA	TADIKA	TASKA
Timur Laut	54	30	62	20
Barat Daya	41	30	39	10
Seberang Perai Utara	48	36	14	17
Seberang Perai Tengah	59	31	10	8
Seberang Perai Selatan	50	21	6	5
<b>JUMLAH</b>	<b>252</b>	<b>148</b>	<b>131</b>	<b>60</b>

*(Data setakat 30hb April, 2025)*

- (b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang cadangan untuk meneruskan pelan pemutihan Taska, Tadika dan Pusat Jagaan (TTPJ). Walau bagaimanapun, sebuah Jawatankuasa *Taskforce* telah ditubuhkan bagi meneliti secara menyeluruh isu pengoperasian TTPJ tanpa lesen serta merangka langkah-langkah strategik untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha tampil mendapatkan pengiktirafan dan perakuan yang sah.
  
- (c) Bagi mempercepatkan proses pendaftaran TTPJ secara sah, jawatankuasa ini telah mencadangkan satu inisiatif baharu, bukan lagi melalui pelan pemutihan, tetapi menerusi pakej insentif khas yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Insentif ini dijangka merangkumi kadar minimum caj infrastruktur dengan tempoh pengecualian tertentu, tertakluk kepada kelulusan EXCO. Langkah ini bertujuan menarik minat lebih ramai pengusaha untuk tampil mendaftar secara sah dalam kadar segera.

Cadangan ini kini masih berada di peringkat perancangan dan penelitian.

Dalam masa yang sama, Pejabat MMK Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam juga sedang dalam proses untuk memurnikan Garis Panduan Penubuhan Taska, Tadika dan Pusat Jagaan agar lebih mudah difahami dan mesra pengguna, khususnya kepada bakal pengusaha. Hal ini kerana ramai masih keliru dengan prosedur berbeza mengikut kategori, dan proses yang rumit serta memakan masa sering menjadi halangan utama kepada pendaftaran sah.

Sehubungan itu, satu kertas cadangan lengkap bersama dokumentasi yang diperlukan sedang disediakan untuk dibentangkan di peringkat EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri mengambil inisiatif ini kerana kami melihat penubuhan TTPJ sebagai satu bentuk perkhidmatan sosial, bukannya semata-mata untuk keuntungan. Kerajaan sendiri tidak mampu menyediakan kemudahan penjagaan untuk semua, justeru

peranan dan inisiatif para pengusaha amat dihargai dan perlu disokong.